

NO. SOALAN : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan bekalan air jangka panjang dan pendek negara, kesan cuaca dan penswastaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Secara umumnya, pembangunan sistem bekalan air bagi sesebuah kawasan di negara kita telah mengambil kira keperluan-keperluan permintaan jangka panjang dan juga kesan cuaca seperti musim panas dan kering. Setiap sistem bekalan air dilengkapi dengan empangan simpanan air mentah untuk mengawal aliran air sungai bagi tempoh 3 bulan jika kawasan tersebut mengalami musim panas dan kering.
2. Sungguhpun saya boleh menyimpulkan keadaan bekalan negara secara umumnya boleh menampung permintaan semasa, terdapat beberapa negeri yang tidak mempunyai kapasiti sistem bekalan air yang mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Negeri-negeri yang memerlukan perhatian khusus ialah Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pada masa ini, lebihan margin kapasiti pengeluaran berada di tahap antara 1 hingga 2 peratus.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan Persekutuan sebenarnya telah mengenal pasti isu ketidakcukupan bekalan air bagi tiga negeri ini seawal tahun 2000 lagi. Pelan telahpun disediakan untuk melaksanakan Skim Bekalan Air Pahang-Selangor yang meliputi 2 komponen utama iaitu Projek Pengeluaran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) dan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2). Komponen PPAMPS telah mencapai 98% siap dan boleh menyalurkan sehingga 1,890 juta liter sehari air mentah boleh dioperasikan mulai tahun ini.

4. Namun begitu komponen LRAL2 Fasa 1 yang berupaya membekalkan air terawat sehingga 1,130 JLH baru bermula pada bulan April 2014. Ia hanya boleh beroperasi pada pertengahan tahun 2017. Perancangan bagi komponen LRAL2 ini terjejas berikutan kurang mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor. Hanya setelah termeterainya Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014 baharulah Kerajaan Negeri Selangor memberikan komitmen untuk meluluskan kebenaran merancang di tanah-tanah yang diperlukan.

5. Bagi negeri-negeri lain, perancangan untuk menyediakan

kemudahan bekalan air kepada rakyat diteruskan melalui pelan-pelan perniagaan syarikat-syarikat operator air dan juga pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Projek-projek membina baru, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan-kemudahan bekalan air yang meliputi empangan air, muka sauk, loji rawatan, tangki simpanan dan jajaran paip sedang giat dilaksanakan. Komitmen berterusan ini akan membolehkan semua kawasan mendapat akses kepada bekalan air 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Tuan Yang Dipertua,

6. Semenjak Akta Industri Perkhidmatan Air 2008 (WSIA) dikuatkuasakan pada 1 Januari 2008, tiada lagi penswastaan pengurusan air dibenarkan. Namun begitu, bagi perjanjian-perjanjian konsesi air yang dimeterai sebelum tahun 2008, syarikat-syarikat swasta tersebut dibenarkan meneruskan operasi sama ada secara berlesen di bawah WSIA atau diberikan kebenaran sehingga tamat tempoh perjanjian. Johor sebagai contoh, selepas 2014, tidak ada lagi pengoperasian bekalan air secara pegangan konsesi. Bagi negeri Selangor, Kerajaan sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyusun semula industri bekalan air

supaya anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang berlesen di bawah WSIA mengambil alih semua syarikat-syarikat konsesi berkenaan.
